

PROTON Meluncurkan Proton e.MAS 5, Kenderaan Elektrik Mampu Milik Pertama di Malaysia

Era baharu mobiliti elektrik Malaysia kini bermula, membuka peluang untuk setiap pemandu merasai sendiri kehebatan pemanduan elektrik yang kini lebih mudah diakses dan mampu milik.

- Harga bermula daripada RM59,800 untuk Varian Prime, dan RM72,800 untuk Varian Premium.
- Lebih daripada 5,000 tempahan telah diterima sejak tempahan dibuka pada 4 Oktober 2025, dengan yuran tempahan hanya RM99, serta rebat pelancaran istimewa bernilai hingga RM3,000* untuk masa terhad.

Sentul, 30 Oktober 2025 – PROTON melakar satu lagi pencapaian penting dalam perjalanan elektrifikasinya dengan pelancaran rasmi kenderaan elektrik kedua di bawah jenama Proton e.MAS, Proton e.MAS 5, kereta elektrik mampu milik pertama Malaysia yang direka untuk menjadikan mobiliti lestari dapat diakses oleh semua rakyat Malaysia.

Selepas penampilan awam pertamanya di Sidang Kemuncak ASEAN pada 28 Oktober yang disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, dan Premier Li Qiang dari Republik Rakyat China, pelancaran besar Proton e.MAS 5 telah diadakan hari ini di Sentul Depot. Majlis ini diserikan oleh Tan Sri Syed Faisal Albar, Pengerusi PROTON; Dato' Hairil Yahri Yaacob, Ketua Setiausaha Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); Datuk Dr. Aminar Rashid, Pengerusi MARii, Datuk Wira Azhar, Ahli Lembaga Pengarah PROTON dan Azrul Reza Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif MARii Turut hadir wakil daripada DRB-HICOM dan Geely Auto Group, serta pegawai daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

Proton e.MAS 5 menerima sambutan luar biasa daripada rakyat Malaysia, dengan lebih 5,000 tempahan dicatatkan dalam tempoh hanya tiga minggu. Pencapaian ini menunjukkan keyakinan dan minat yang semakin meningkat terhadap kenderaan elektrik mampu milik sejak tempahan dibuka pada 4 Oktober yang lalu melalui siaran langsung khas.

Memperkasa Generasi Baharu dengan Pengguna EV melalui Kehadiran Model Terkini Dalam Barisan Proton e.MAS.

Proton e.MAS 7 terus mengukuhkan kedudukannya sebagai EV No.1 di Malaysia selama sembilan bulan berturut-turut, dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak 6,655 unit setakat September 2025, merangkumi 6,212 unit terjual di pasaran tempatan dan 443 unit dieksport. Dengan pegangan pasaran EV nasional sebanyak 24%, Proton e.MAS 7 terus mencerminkan keyakinan kukuh pengguna terhadap strategi elektrifikasi PROTON.

Sebagai model kedua dalam barisan Proton e.MAS, Proton e.MAS 5 melambangkan komitmen PRO-NET dalam memacu penggunaan EV secara meluas di Malaysia. Dibangunkan berasaskan prinsip kemampuan milik, praktikaliti dan kegunaan harian, model ini direka khas untuk pembeli EV pertama yang mencari pengalaman pemanduan yang lebih pintar, bersih dan menjimatkan.

“Pelancaran Proton e.MAS 5 menandakan satu lagi detik membanggakan buat PRO-NET dalam usaha kami menerajui peralihan Malaysia ke arah mobiliti elektrik. Menerusi jenama Proton e.MAS, kami

**Tertakluk pada terma dan syarat. Tawaran sah untuk tempoh terhad sehingga 31 Disember 2025*

membawa teknologi hijau agar dapat diakses oleh semua rakyat Malaysia dengan menggabungkan inovasi canggih, keselamatan yang boleh dipercayai dan mampu milik untuk menjadikan pemilikan EV sesuatu yang mampu dicapai oleh semua, bukan hanya segelintir sahaja,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. “Pencapaian ini mencerminkan komitmen kami untuk terus memperkukuh ekosistem EV tempatan dan menyokong perjalanan Malaysia menuju mobiliti lestari serta masa depan sifar bersih.”

Proton e.MAS 5 Membawa Nafas Baharu kepada Mobiliti Harian

Direka khusus untuk gaya hidup bandar namun tetap menekankan keselesaan keluarga, Proton e.MAS 5 mengubah tanggapan tentang apa yang mampu ditawarkan oleh sebuah EV mampu milik. Ia merupakan kenderaan segmen-B dengan keluasan setanding segmen-C, menggabungkan kecanggihan dan praktikaliti untuk kegunaan harian. Dengan jarak pemanduan WLTP sehingga 325km, Proton e.MAS 5 sesuai untuk perjalanan harian, urusan seharian, dan percutian hujung minggu hanya dengan satu cas.

Versatile Technology

Teknologi dibina dengan teliti dalam setiap aspek pengalaman pemanduan. Paparan utama 14.6 inci Full HD digabungkan dengan panel instrumen digital 8.8 inci, dikuasakan oleh ATLAS Auto, membolehkan Proton e.MAS 5 memberi respons kepada arahan suara dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Pemandu juga menikmati kemudahan Android Auto dan Apple CarPlay tanpa wayar, bersama Aplikasi Proton e.MAS yang membolehkan akses kepada fungsi utama kenderaan, daripada melihat status bateri sehingga menyejukkan kabin sebelum perjalanan. Pengecasannya juga mudah dan cepat, dengan pengecasan pantas DC yang boleh menaikkan tahap bateri dari 30% ke 80% dalam masa cuma 21 minit.

Outstanding Design and Luxurious Space

Bahagian dalamnya mempamerkan suasana tenang dan elegan dalam sebuah kereta harian. Rekaan dalaman bergaya minimalis yang diinspirasi daripada ruang santai hadir dalam warna *Flint Grey* bagi warna luaran *Moonstone White*, *Graphite Silver* dan *Slate Grey*. Bagi Proton e.MAS 5 Premium pula, dua pilihan warna *Marble Cream* dan *Quartz Rose* dipadankan dengan bahagian dalaman berwarna *Alabaster White*. Kabin ini menggabungkan rekaan ergonomik dengan 32 ruang penyimpanan, ruang hadapan (frunk) berkapasiti 70L serta ruang but 375L yang boleh diperluas hingga 1,320L. Dengan jarak antara roda 2,650mm dan lantai belakang yang rata, setiap tempat duduk direka untuk memberikan rasa luas dan selesa, menjadikan ruang kabin lebih terbuka dan sesuai untuk menikmati setiap momen bersama keluarga.

Top-tier Safety

Keselamatan menjadi keutamaan dalam DNA reka bentuk PRO-NET. Proton e.MAS 5 dilengkapi dengan 12 fungsi bantuan pemanduan termasuk *Adaptive Cruise Control*, *Forward Collision Warning* dan *Blind Spot Detection*. Struktur badan diperkukuh dengan *Star Armor Cage Structure*, manakala bateri *CATL LFP* menawarkan sistem perlindungan berlapis 3+2 bagi memastikan keselamatan terma, ketahanan jangka panjang serta ketenangan minda kepada pemandu.

Superior Drivability

Dikuasakan oleh motor di bahagian belakang 85kW yang menghasilkan tork 150Nm, Proton e.MAS 5 memecut dengan lancar dari 0 hingga 50 km/j dalam hanya 3.9 saat. Jejari pusingan terbaik dalam kelasnya, iaitu 4.95m, menjadikan pemanduan dan parkir di bandar lebih mudah dan tanpa tekanan. Susun atur pacuan roda belakang bersama *Global Traction Control System* (G-TCS) pula memastikan kestabilan serta kawalan yang baik di pelbagai keadaan jalan.

Proton e.MAS 5 menjadikan pemilikan EV lebih mudah diakses oleh pembeli kali pertama, keluarga muda dan pemandu bandar yang mencari pilihan teknologi hijau serta praktikal. Walaupun bersaiz kompak, ia tetap menawarkan pengendalian yang lancar dengan jejari pusingan terbaik dalam kelasnya, memberikan pemanduan luar biasa ketika melalui jalan bandar yang sempit atau ruang parkir yang terhad.

Lima Power Packs dengan Rebat Pelancaran Istimewa untuk Pelanggan Terawal

Sebagai tanda penghargaan atas peluncuran ini, PRO-NET memperkenalkan Power Packs eksklusif bernilai sehingga RM 8,000 untuk pelanggan terawal, yang menawarkan nilai lebih tinggi, kemudahan lebih baik dan pengalaman pemilikan yang lebih meyakinkan.

Power Xchange

- Layak apabila kenderaan lama yang tidak lagi sesuai untuk digunakan di jalan raya dan ditukarkan dengan nilai sebanyak RM2,000
(Tawaran terhad, berakhir pada 31 Disember 2025)

Power Online

- 5-Tahun Data Internet Tanpa Had bernilai RM1,800

Power Financing

- Pinjaman 5 tahun dengan kadar faedah 1.98% daripada Proton Commerce bernilai RM1,700
(Tawaran terhad, berakhir pada 31 Januari 2026)

Power Home

- Pengecas 7kW Home Charger Percuma bernilai RM1,500

Power Trade-In

- Rebat Trade-in Eksklusif bernilai RM1,000
(Tawaran terhad, berakhir pada 31 Januari 2026)

Harga Atas Jalan (tanpa insurans) bagi Proton e.MAS 5 Prime dan Premium adalah seperti berikut:

Varian	Semenanjung Malaysia	Sabah & Sarawak
Proton e.MAS 5 Prime	RM59,800	RM62,800
Proton e.MAS 5 Premium	RM72,800	RM75,800

Rebat Pelancaran Istimewa dengan rebat RM 3,000*, Harga Atas Jalan (tanpa insurans) bagi Proton e.MAS 5 Prime dan Premium adalah seperti berikut:

Varian	Semenanjung Malaysia	Sabah & Sarawak
Proton e.MAS 5 Prime	RM56,800	RM59,800
Proton e.MAS 5 Premium	RM69,800	RM72,800

Selain itu, pelanggan turut menikmati waranti kenderaan selama 6 tahun tanpa had perbatuan serta waranti bateri dan komponen voltan tinggi selama 8 tahun atau 160,000 km, memberikan keyakinan dan jaminan tambahan sepanjang pemilikan Proton e.MAS mereka.

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial) dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 5.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #FreedomThatElectrifies #OwnYourSpace

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama Malaysia, merupakan sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Sebagai peneraju dalam memperkasa penerimaan EV serta pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui perubahan ke arah mobiliti lestari dengan dedikasi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedaran yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh dan ekosistem menyeluruh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman pemilikan yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASIKAN HUBUNGAN dengan menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan dan piawaian antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

**Tertakluk pada terma dan syarat. Tawaran sah untuk tempoh terhad sehingga 31 Disember 2025*

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global